



Headline: Rugi RM10,000 selepas serah nombor TAC
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 15 June 2021

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 21

Rugi RM10,000 selepas serah nombor TAC

KOTA BHARU - Seorang pemandu di sebuah jabatan kerajaan di sini kerugian RM10,000 selepas ditipu seorang wanita dikenali sebagai 'Puan Ikzan' berkaitan penggunaan nombor kod pengesahan transaksi (TAC) perbankan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kelantan, Superintendan Ahmad Azizul Mohamed berkata, berdasarkan laporan, mangsa yang berusia 50-an telah menerima mesej WhatsApp daripada satu talian yang tidak dikenali pada Jumaat lepas.

Menurut beliau, suspek telah memperkenalkan diri sebagai seorang wanita bernama 'Puan Ikzan' dan menyatakan dia telah tersalah hantar nombor TAC perbankan Internet ke talian pengadu dan meminta

mangsa menghantar semula kepadanya jika ada.

"Mangsa telah menyemak telefon miliknya dan mendapati memang terdapat sistem pesanan ringkas (SMS) nombor TAC diterimanya dan tanpa berfikir panjang mangsa telah menyerahkan SMS tersebut kepada suspek.

"Selepas itu mangsa menerima lagi beberapa SMS nombor TAC dan mangsa telah menyerahkan kesemua mesej itu kepada suspek," jelas Ahmad Azizul dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.

Tambah beliau, mangsa hanya menyedari wang di dalam akaun bank miliknya telah berkurangan sebanyak RM10,000 semasa membuat semakan baki akaun secara dalam talian semalam.- *Bernama*